

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
(KUDAT)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 06.04.2017**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan menyediakan "full fledged" perkhidmatan bank di Daerah Pitas memandangkan daerah ini semakin berkembang ekonominya dan perlu disokong oleh kewujudan perkhidmatan bank kepada pengguna dan peniaga tempatan memandangkan mereka terpaksa ke perkhidmatan terdekat di Kota Marudu hampir 70 kilometer jauhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus bagi daerah Pitas di Sabah, terdapat lapan ejen Bank Simpanan Nasional (BSN)

dan satu ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah tersebut. Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh ejen bank adalah seperti berikut :

- i) Mengambil deposit;
- ii) Mengendalikan pengeluaran wang;
- iii) Mengendalikan pindahan dana / wang;
- iv) Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
- v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- vi) Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

Di daerah Pitas, perkhidmatan ejen bank didapati efektif dalam membantu penduduk tempatan untuk membuat transaksi perbankan, yang kebanyakannya terdiri daripada transaksi asas seperti pengambilan deposit dan pengeluaran wang. Bank-bank terbabit akan memantau tahap penggunaan perkhidmatan perbankan di ejen-ejen bank ini oleh penduduk setempat sebagai justifikasi bagi pembukaan sesebuah cawangan perbankan.

Selain daripada perkhidmatan ejen bank dan cawangan bank, penduduk Pitas juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian perbankan di talian yang merangkumi pelbagai transaksi perbankan, termasuk perkhidmatan pembayaran

bil serta pinjaman sama ada melalui internet persendirian atau di Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.